

(3)

NO.SOALAN : 250

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS  
MOJIGOH**  
**[PUTATAN]**

**SOALAN**

**DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH [PUTATAN] minta  
MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan:**

- a) kedudukan kewangan sebenar Sabah *Electricity* Sendirian Berhad  
- SESB yang dikatakan diambang muflis; dan
  
- b) usaha Kementerian untuk mengatasi masalah gangguan bekalan elektrik di negeri Sabah dan menyebabkan pengguna kerugian akibat kerosakan barang elektrik.

132

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Laporan kewangan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) berakhir 31 Ogos 2017 menunjukkan SESB memperolehi keuntungan berjumlah RM44.6 juta. Walau bagaimanapun, keuntungan ini adalah termasuk subsidi bahan api daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM178 juta. Oleh yang demikian, SESB sebenarnya mengalami defisit aliran tunai sebanyak RM133.4 juta sekiranya tidak mendapat bantuan subsidi daripada Kerajaan. Punca utama kedudukan kewangan SESB yang lemah ini adalah disebabkan oleh kadar tarif yang tidak mencerminkan kos pembekalan elektrik sebenar.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

2. Kerajaan Persekutuan sememangnya sedar dan sentiasa prihatin terhadap masalah bekalan elektrik yang dihadapi oleh rakyat Sabah. Dalam hubungan ini, Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan tahap kualiti bekalan elektrik di negeri ini. Sebagai contoh, bacaan SAIDI di Sabah yang direkodkan sebanyak 4,109 minit/pengguna/tahun pada tahun 2005 telah berjaya diturunkan kepada 240.9 minit/pengguna/tahun pada tahun 2017. Penurunan SAIDI sebanyak 94.1% dalam tempoh 12 tahun ini merupakan pencapaian yang amat memberangsangkan.

3. Walau bagaimanapun, Kerajaan masih meneruskan usaha-usaha untuk mengurangkan SAIDI kepada 100 minit/pengguna/tahun menjelang tahun 2020 seperti berikut:
- (i) penubuhan *Task Force 150* (TF150) untuk mengambil langkah-langkah drastik bagi mengurangkan SAIDI sehingga 150 minit/pengguna/tahun di Sektor 1 iaitu Kota Kinabalu, Tawau, Sandakan dan Wilayah Persekutuan Labuan pada tahun 2018; dan
  - (ii) penubuhan Pasukan Projek Khas Bekalan Elektrik Sabah (PPKBES) pada tahun 2015 bertujuan untuk melaksanakan projek-projek pembekalan elektrik di negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sejumlah RM2.3 bilion dalam bentuk geran telah diluluskan bagi melaksanakan 57 projek yang mana secara tidak langsung akan turut memberikan impak kepada penurunan SAIDI.

Sekian, terima kasih

.....